



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 4 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DAFTAR TASKA HARAM SEBELUM DISEMBER ELAK TINDAKAN UNDANG UNDANG	
	https://www.utusan.com.my/video/2023/11/daftar-taska-haram-sebelum-disember-elak-tindakan-undang-undang/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/03/daftar-taska-haram-sebelum-akhir-disember-ini-untuk-elak-tindakan-undang-undang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SPECIAL SQUAD'S ROLE EXPANDED AS CHILD ABUSE CASES RISE	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/03/special-squads-role-expanded-as-child-abuse-cases-rise	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	CITING DEVOLUTION OF POWER, NANCY SHUKRI BACKS SARAWAK'S OWN ASSESSMENT FOR STANDARD 6 PUPILS	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/03/citing-devolution-of-power-nancy-shukri-backs-sarawaks-own-assessment-for-standard-6-pupils/99975	MALAYMAIL.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/03/its-devolution-of-power	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	TASKA DISITA SELEPAS BAYI LELAKI TIDAK SEDARKAN DIRI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172552/taska-disita-selepas-bayi-lelaki-tidak-sedarkan-diri	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	IBU 'GANTUNG' PISAU TOREH, JAGA ANAK LUMPUH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ibu-gantung-pisau-toreh-jaga-anak-lumpuh/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	JKM CARI WARIS LELAKI WARGA EMAS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/632840/berita/semasa/jkm-cari-waris-lelaki-warga-emas	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	KUTIPAN DERMA: POLIS CADANG AGENSI KERAJAAN KAWAL SELIA NGO	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026667/kutipan-derma-polis-cadang-agensi-kerajaan-kawal-selia-ngo	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SEMAI AKIDAH DALAM JIWA MURID TABIKA KEMAS	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/semai-akidah-dalam-jiwa-murid-tabika-kemas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	RM4.2 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN WANITA DI SABAH	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/222854/rm4-2-juta-untuk-pembangunan-wanita-di-sabah/	DAILYEXPRESS.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	YAYASAN IKHLAS BANTU ADIK NUR IMAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/yayasan-ikhlas-bantu-adik-nur-iman/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA SUKU JAKUN GAGAL CABAR STATUS AGAMA DITUKAR ISLAM KETIKA KECIL	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172652/wanita-suku-jakun-gagal-cabar-status-agama-ditukar-islam-ketika-kecil	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/11/wanita-suku-jakun-gagal-cabar-status-islam-sejak-berusia-2-tahun/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KLINIK KESIHATAN PERTAMA BUAT ATLET WANITA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/03/klinik-kesihatan-pertama-buat-atlet-wanita/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA SARAT MENGANDUNG ANTARA MANGSA BANJIR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-sarat-mengandung-antara-mangsa-banjir/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	27% KEMATIAN KANAK-KANAK DISEBABKAN PENGASUH	
	https://www.youtube.com/watch?v=WinekllPe9U	YOUTUBE



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKATLAPORAN
PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KANAK-KANAK IKUT BAPA MEMANCING LEMAS JATUH LAUT	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/03/kanak-kanak-ikut-bapa-memancing-lemas-jatuh-laut/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172624/kanak-kanak-10-tahun-lemas-di-sungai-lurus	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/632785/berita/semasa/kanak-kanak-10-tahun-maut-jatuh-laut-ketika-memancing	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/11/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-lemas-terjatuh-jambatan-ketika-memancing-di-sungai/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-10-tahun-maut-jatuh-laut-ketika-memancing-444502	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	TRAGEDI TELEKUNG TERSANGKUT TAYAR MOTOSIKAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172659/tragedi-telekung-tersangkut-tayar-motosikal	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1026557/warga-emas-maut-ketika-ke-masjid-telekung-isteri-tersangkut-di-tayar-motosikal	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-maut-telekung-isteri-dipercayai-tersangkut-pada-tayar-motosikal-444544	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiapost.com.my/2023/11/03/warga-emas-maut-motosikal-terbabas/	MALAYSIAPOST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	TERENGGANU MCA HOPES TO SEE MORE WOMEN DIGITAL ENTREPRENEURS	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/03/terengganu-mca-hopes-to-see-more-women-digital-entrepreneurs	THESTAR.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA MALAYSIA MENCURI DI SINGAPURA SEJAK 1972	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/03/wanita-malaysia-mencuri-di-singapura-sejak-1972/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WANITA DAKWA DIBULI UQASHA MENINGGAL DUNIA, TAPI UQASHA PULA DIKATAKAN SEBAGAI PUNCA KEMATIANNYA	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/11/1026582/wanita-dakwa-dibuli-ugasha-meninggal-dunia-tapi-ugasha-pula-dikatakan-sebagai	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	WANITA BERSUAMI ANTARA 644 MANGSA LOVE SCAM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172824/wanita-bersuami-antara-644-mangsa-love%C2%A0scam	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PENGANIAYAAN KANAK-KANAK: TINDAKAN TEGAS PERLU DIKENAKAN TERHADAP PEMILIK TASKA	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/penganiayaan-kanakkanak-tindakan-tegas-perlu-dikenakan-terhadap-pemilik-taska-x8pbh4n	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=vSXU_I0dwbk	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


4/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KANAK-KANAK ANTARA YANG TERUJA SAMBUT ANWAR DI MASJID TAMAN PUTRA PERDANA	
	https://www.youtube.com/watch?v=91Oc2npgJ4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
23	TRANSFORMASI TABIKA KEMAS BIMBING AKIDAH KANAK-KANAK DI PERINGKAT AWAL - AHMAD ZAHID	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2241412	BERNAMA.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026752/transformasi-tabika-kemas-bimbing-akidah-kanak-kanak-di-peringkat-awal	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	TIGA TERMASUK DUA KANAK-KANAK PARAH NAHAS KANCIL, BAS EKSPRES	
	https://www.sinarharian.com.my/article/632881/berita/semasa/tiga-termasuk-dua-kanak-kanak-parah-nahas-kancil-bas-ekspres	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	DIAGNOSIS DAN INTERVENSI AWAL BOLEH MENYELAMATKAN WARGA EMAS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/03/diagnosis-dan-intervensi-awal-boleh-menyelamatkan-warga-emas	UTUSANBORNEO.COM.MY



TAJUK : JKM MELAKA SITA TANDAS TIADA LESEN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



JKM meletakkan pita selepas tindakan sita dibuat ke atas taska tidak berdaftar di Pertama Jaya, semalam.

(Foto ihsan JKM)

Kes bayi tak sedarkan diri

JKM Melaka sita taska tiada lesen

Melaka: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka menyita sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) di Taman Pertama Jaya di sini, susulan kes seorang bayi lelaki berusia 12 bulan mengalami pendarahan di kepala selepas dihantar ke pusat jagaan itu kelmarin.

Pengarah JKM Melaka, Zulkifli Hanifah, berkata hasil pemeriksaan yang dijalankan pihaknya mendapati taska terbabit beroperasi secara tidak sah kerana tidak mempunyai lesen.

"Justeru, semalam (Khamis) kita mengambil tindakan LAK atau sita ke atas premis terbabit dan pengusaha mempunyai tempoh 21 hari untuk membuat perakuan bagi membolehkan

premis itu dibenarkan kembali beroperasi.

"Tindakan diambil di bawah Seksyen 6(1) Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, iaitu mengendalikan suatu taska tidak berdaftar," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, hasil semakan juga mendapati taska berkenaan baru berpindah dan beroperasi di premis itu pada Ogos lalu.

"Sebelum ini taska terbabit beroperasi di lokasi lain dan mempunyai lesen sehingga 2026, tetapi terbatal selepas ia berpindah ke premis baharu. Di premis baharu ini ia tidak berdaftar," katanya.

Sementara itu, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin, berkata JKM diminta untuk turun padang bagi mengenal pasti taska atau pusat jagaan yang beroperasi tanpa lesen.

"Saya minta JKM untuk turun padang dan memeriksa setiap taska yang beroperasi sama ada berdaftar atau tidak.

"Saya faham ada di antara premis ini masih dalam proses memohon lesen dan menunggu kelulusan.


"Jadi, saya juga akan mengadakan perbincangan bersama JKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi mengenal pasti punca terdapat permohonan yang mengambil masa agak lama," katanya.

Beliau turut menyeru ibu

bapa, khususnya generasi muda supaya terlebih dahulu membuat semakan ke atas taska yang ingin atau dipilih mereka untuk menghantar anak.

Media sebelum ini melaporkan, seorang bayi lelaki berusia 12 bulan mengalami pendarahan di kepala selepas tidak sedarkan diri ketika dalam jagaan di sebuah taska di Pertama Jaya, Semabok.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit, dilaporkan berkata pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian susulan laporan polis yang dibuat oleh bapa bayi berkenaan pada jam 12.30 tengah hari, Selasa lalu.



TAJUK : PASTIKAN ANAK LAYARI INTERNET DENGAN SELAMAT

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pastikan anak layari internet dengan selamat

Arif Mustaqim
Md Salleh,
Kuala Lumpur

Julai lalu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendedahkan 75 peratus daripada remaja di negara ini dikesan pernah menonton video atau melihat pornografi.

Hal ini bukan di luar jangkaan kerana tontonan pornografi dan penyebaran ideologi songsang seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) sangat mudah dicapai menerusi laman sosial. Malah sangat banyak drama dan filem sama ada dari negara Barat atau Timur sangat banyak memaparkan adegan LGBT atau gambaran adegan intim dan romantik. Dalam konteks LGBT, naratif mereka dibuat secara terang-terangan.

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, lambat-laun kerajaan tidak ada pilihan melainkan membuka seluas-luasnya gelombang udara negara ini. Segala macam rangkaian plan internet yang berbayar akan masuk ke rumah kita. Terdapat sangat banyak pilihan hiburan masa kini termasuk filem lucah atau LGBT yang akan sampai ke rumah kita. Dipendekkan cerita, hanya menggunakan hujung jari, pilih mana satu idaman kalbu.

Internet adalah institusi luar biasa. Ia me-

ngubah pola kehidupan manusia. Hidup berbilion manusia di dunia hari ini ditentukan oleh apa yang pernah dilabelkan sebagai *Twin Earth* iaitu orang menentukan jadual hidup, tabiat makan dan hidup berkelamin manusia lain di sekitarnya.

Dalam kalangan sarjana, internet disebut sebagai rekaan manusia paling penting selepas roda. Ia ibarat tamu tak diundang yang mengasak, mendesak, mencabar dan mengajar, sekali gus menghina serta mempersendakan.

Kehidupan kita berkisar sekitar internet. Anak membesar di hadapannya dan membentuk nilai serta tabiat mereka. Ibu bapa merintih kerana kesan buruk internet ke atas anak, namun aneh mereka menghabiskan lebih banyak masa di depan internet berbanding anak sendiri.

Internet juga adalah sumber luar biasa pentingnya. Melalui kecanggihan teknologi dan kepakaran manusia, lintasan imej dan rakaman video dari mana-mana pelosok dunia menyelinap masuk dengan pantas. Ia malah menjadi sumber pendidikan mutlak, sekiranya ia dimanfaatkan sebaiknya. Atau ia boleh menjadi musuh nombor satu manusia sekiranya ia dibiarkan untuk melalaikan, mengkhayalkan dan merosakkan.

Perbincangan mengenai pengaruh dan kesan

internet ke atas pelayar bukan hal baharu. Isunya bukan untuk mengesahkan segala dapatan dan kajian selama ini. Tidak ada siapa yang menafikan pengaruh internet ke atas pelayar. Sebaliknya yang lebih penting ialah untuk mengekang dan mengeksploit medium bernama internet itu, bukan membenarkan ia mengekang dan mengeksploit kita.

Kita tidak boleh menolak internet semata-mata kerana sebahagian unsurnya tidak cocok dengan cita rasa peribadi kita. Begitu juga kita tidak semestinya menjadi 'terpaling Melayu' atau lebih Islam dengan membuang segala peranti untuk mengakses internet ke dalam sungai.

Kita tidak boleh menolak internet semata-mata kerana kemasukan pornografi dan ideologi LGBT di dalam sistemnya. *Cyberporn* atau rangkaian porno melalui komputer serta telefon pintar akan terus menghantui pengguna laluan lebuhraya maklumat itu. Ia akan merisaukan ibu bapa dan sebahagian yang peduli tetapi dalam masa sama ia memberikan jutaan insan pilihan lain pula.

Apa pilihan yang ada? Di sinilah ibu bapa harus berperanan dan berfungsi. Ibu bapa perlu memimpin anak melalui rentas lebuhraya maklumat ini dengan selamat dan tertib, itu pun jika mereka tidak disibukkan dengan internet.



TAJUK :	PERANCANGAN PROJEK PBT PERLU BABITKAN KANAK-KANAK, REMAJA		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	04 NOV 2023	M/SURAT :	12
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Perancangan projek PBT perlu babitkan kanak-kanak, remaja

- Pelaksanaan CFCI di negara ini memerlukan penambahbaikan sekiranya kita mahu melihat lebih banyak bandar raya mendapat pengiktirafan sama
- Pemilihan kanak-kanak menayakan aktiviti perlu inklusif tanpa mengira umur, jantina, kewarganegaraan, agama, bangsa, status sosioekonomi dan OKU



Oleh Dr Amelia Alias
bhreancana@bh.com.my

Penyelidik Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Koordinator Bersama Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya

Petaling Jaya mencatat sejarah apabila diiktiraf Inisiatif Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak (CFCI) oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), sekali gus menjadi antara 3,000 majlis perbandaran di lebih 40 negara menerima pengiktirafan sama.

Pengiktirafan diterima Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu diharap membuka laluan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) lain yang sudah menandatangani memorandum persefahaman dengan UNICEF Malaysia seperti Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Bandaraya Kuching Utara (MBKU) dan Majlis Bandaraya Miri (MBM).

CFCI antara inisiatif penting dalam membina bandar dan komuniti selamat, saksama, adil, inklusif serta responsif kepada kanak-kanak dan remaja. Ia menekankan lima matlamat utama, iaitu hak didengar, dihormati, dihargai dan dilayan secara adil, perkhidmatan sosial, berasa selamat dan hak untuk berkeluarga, bermain serta berekreasi.

Matlamat digariskan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) 1989 itu, membantu kerajaan tempatan mengutamakan keperluan dan meningkatkan suara kanak-kanak serta remaja dalam tadbir urus dan membuat keputusan.

Ini menjadikan PBT berperanan utama dalam pelaksanaan CFCI termasuk memperuntukkan sumber kewangan mencukupi dan membangunkan serta melaksanakan dasar dan strategi mengutamakan keperluan golongan itu dalam perancangan, pembangunan dan reka bentuk bandar termasuk dasar berkaitan perumahan, pengangkutan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan rekreasi.

PBT perlu memastikan keselamatan kanak-kanak dengan melaksanakan langkah mengurangkan kadar kemalangan dan jenayah, memastikan kelestarian alam sekitar untuk mengatasi pencemaran udara serta kesan perubahan iklim.

Bukan itu sahaja, PBT juga perlu mempromosikan aktiviti kebudayaan dan rekreasi untuk kesejahteraan fizikal dan mental, selain mempunyai strategi melakukan pengumpulan dan pemantauan data sistemik sebagai petunjuk kesejahteraan kanak-kanak.

Ini boleh membantu dalam mengenal pasti penambahbaikan diperlukan dan turut membabitkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta, sekolah, ahli akademik, persatuan penduduk, pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Harus diingat penyertaan kanak-kanak dan remaja menjadi komponen terpenting CFCI sehingga capaian maklumat, peluang menyuarakan pendapat dan membuat keputusan serta keupayaan mempengaruhi perubahan positif dalam keluarga, sekolah, komuniti dan dalam talian semuanya berada di bawah payung 'penyertaan kanak-kanak'.

Artikel 12 Konvensyen memastikan kanak-kanak bukan sahaja wajar diberi peluang menyatakan pandangan dalam semua situasi memberi kesan kepada mereka, bahkan diberi pertimbangan mencukupi sesuai dengan umur dan kematangan.

Dalam konteks Petaling Jaya, pelaksanaan CFCI membabitkan pelantikan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJCC) yang diiktiraf Majlis Tertinggi

MBPJ. Ia menyediakan platform agar kanak-kanak dan remaja diberi autonomi serta boleh berusaha ke arah mewujudkan persekitaran penyertaan bermakna.

PJCC ini menjadi pelaksana pelbagai program seperti berkaitan perlindungan, hak dan sebarang projek berkaitan kanak-kanak di Petaling Jaya.

Kerjasama jayakan program

Sehingga kini terdapat beberapa aktiviti dan projek dijayakan secara kerjasama dan dipimpin PJCC seperti pembentangan di Kongres Perancang Negara 2023, Pembangunan Dasar Penyertaan dan Perlindungan Kanak-Kanak MBPJ, Bengkel Hak, Data dan Privasi Kanak-Kanak Dalam Talian, Penyediaan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK), Kajian 'Adakah sekolah anda selamat dan membina?', Forum Asia Pasifik mengenai Pembangunan Mampuan 2023 dan Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak di Taman Jaya.

Dalam menjayakan CFCI itu, Model Penyertaan Bermakna Kanak-Kanak diperkenalkan Prof Laura Lundy daripada Universiti Queen, Belfast dipraktikkan yang terbahagi kepada empat komponen, iaitu ruang, suara, didengari dan maklum balas.

Melalui tinjauan dilakukan, masalah utama dihadapi dalam CFCI di serata dunia ialah kurang kefahaman mengenai pelaksanaan penyertaan bermakna oleh orang dewasa hingga menyukarkan CFCI dilaksanakan mengikut kriteria utama, iaitu memastikan idea, pendapat, keperluan dan hak sentiasa diutamakan dalam perancang, pembuatan keputusan serta pelaksanaan dasar.

Kanak-kanak dikecualikan daripada membuat keputusan sehingga menimbulkan keraguan terhadap orang dewasa lantas menunjukkan CFCI lebih kepada pengiktirafan di atas kertas.

Oleh itu, pelaksanaan CFCI di negara ini memerlukan penambahbaikan sekiranya kita mahu melihat lebih banyak bandar raya mendapat pengiktirafan sama.

Pertama, pemilihan kanak-kanak menayakan aktiviti perlu inklusif tanpa mengira umur, jantina, kewarganegaraan, agama, bangsa, status sosioekonomi, orang kurang upaya (OKU) dan persekolahan.

Kedua, dasar dibangunkan perlu dipraktikkan dan disampaikan dengan jelas dan berkesan. Warga kerja dan masyarakat harus didedahkan mengenai dasar melalui latihan membabitkan kanak-kanak dalam penyampaian latihan.

Ketiga, ruang selamat dan peluang bagi kanak-kanak memberikan pendapat dan idea serta pembabitkan mereka perlu diperluaskan kepada sekolah dan komuniti perumahan atau dalam bidang sukan, penjagaan kesihatan, pusat perlindungan, prosiding mahkamah, dalam talian, PBT serta agensi kerajaan dan organisasi menawarkan perkhidmatan kepada golongan itu.

Penyertaan seharusnya bersifat kolaboratif, iaitu kanak-kanak boleh membuat keputusan bersama orang dewasa atau dipimpin kanak-kanak.

Keempat, menggalakkan organisasi berusaha mempraktikkan tadbir urus kanak-kanak sistemik dan memahami penyertaan bermakna. Ini memerlukan pengumpulan dan analisis data berkaitan kesejahteraan kanak-kanak untuk membantu dalam memahami arah aliran, mengenal pasti cabaran dan merumuskan dasar dan program berasaskan bukti.

Hakikatnya, pelaksanaan CFCI turut menyokong Pembelajaran Abad Ke-21 melalui Pembelajaran Berasaskan Projek kerana PJCC digalag mengemukakan cadangan projek ingin dijalankan.


Pelaksanaan projek dilakukan dalam kumpulan biasanya dua PJCC dilantik sebagai ketua dan penolong ketua projek. Mereka dibahagikan beberapa kumpulan mengikut tema atau topik ingin diperhalusi.

Setiap ahli kumpulan digalag melakukan pembentangan, mengulas apa dibentangkan kumpulan lain dan melakukan refleksi. Mereka berperanan sebagai penyelidik, diberi pendedahan mengenai kaedah kajian, menjadi fasilitator bagi sesi fokus berkumpulan bersama kanak-kanak lain, melaporan dan membentangkan hasil kajian. Mereka juga didedahkan dengan perkara lain seperti Matlamat Pembangunan Mampuan 2030.

Ini menyediakan PJCC terhadap keperluan menambah baik kemahiran bekerjasama, berfikir kritis, kreatif, mahir mendapatkan maklumat tepat, berkeyakinan, kesedaran terhadap budaya, empati, kesedaran terhadap alam sekitar dan berupaya membuat keputusan melalui maklumat diperoleh.

Fasilitator dewasa berperanan sebagai penyokong kepada kumpulan projek dengan memastikan perjalanan selamat dan mesra kanak-kanak. Mereka harus sedar kekuatan dan kelemahan golongan itu untuk mengurangkan dinamik kumpulan, mempunyai pemahaman mendalam cara melepaskan sebahagian kuasa orang dewasa, bekerja dengan berkesan serta meletakkan suara dan hak kanak-kanak di barisan hadapan dalam perancangan.





TAJUK : TENTERA DITUDUH CABUL PEKERJA IBU MENTUA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tentera dituduh cabul pekerja ibu mentua



Muhammad Afiq didakwa cabul kehormatan seorang wanita di Mahkamah Majistret Tawau.

Tawau: Seorang anggota tentera dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mencabul kehormatan pekerja ibu mentuanya dalam kejadian di sebuah taman perumahan di sini, awal Mei lalu.

Muhammad Afiq Ikhwan Mohamad Zukhi, 23, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Dayang Aidaku Amira Aminuddin.

Tertuduh didakwa guna kekerasan jenayah bagi maksud mencabul kehormatan wanita berusia 21 tahun, di Taman Megah Jaya, di sini, jam 5 pagi, pada 3 Mei lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau, Asisten Superintenden Jeffrey Kadisun, mencadangkan jaminan RM10,000 dengan dua orang pen-

jamin tempatan berserta syarat tambahan dilarang mengganggu saksi dan tertuduh dikehendaki melaporkan diri kepada pegawai penyiasat kes sebulan sekali sehingga kes selesai.

Bagaimanapun, peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jhassery P Khang yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah dikenakan dengan alasan tertuduh sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak yang masih kecil.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 dengan dua orang penjamin, selain syarat seperti dimohon pihak pendakwa serta menetapkan 4 Disember depan sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan, mangsa adalah pekerja di kantin sebuah kem tentera di sini dan tertuduh dikatakan memasuki bilik mangsa yang sedang tidur dan mencabul kehormatannya.

Kejadian itu disedari isteri serta ibu mentuanya. Tertuduh ditahan kira-kira jam 2 petang pada hari sama susulan laporan dibuat mangsa.



TAJUK : WANITA DIDAKWA SEBABKAN KEMATIAN BAYI BARU LAHIR DI TANDAS

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita didakwa sebabkan kematian bayi baru lahir di tandas

Tawau: Seorang wanita didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan sengaja menyebabkan kematian bayi lelaki yang baru dilahirkannya di tandas sebuah hospital dekat sini, pada 14 Oktober lalu.

Mazidah Minggu, 24, didakwa mengikut Seksyen 309B Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja meninggalkan bayi yang baru dilahirkan sehingga menyebabkan kematiannya.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada tertuduh sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Timbalan Pendakwa Raya Mohd Suhaimi Suriana, tidak menawarkan sebarang jaminan ke atas tertuduh yang tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 5 Disember depan untuk

sebutan semula kes dan memerintahkan tertuduh terus ditahan di penjara Tawau.

Tertuduh bersama teman lakinya ditahan reman sejak 15 Oktober lalu susulan penemuan mayat bayi di dalam pam tandas sebuah hospital, di sini, dengan keadaan mulut disumbat tisu.

Mayat bayi lelaki cukup sifat itu ditemukan pekerja pembersihan yang bertugas di hospital berkenaan kira-kira jam 7.10 pagi ketika melakukan pembersihan di tandas terbabit.

Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin, ketika dihubungi me-

ngesahkan teman lelaki tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk diusir pulang ke negara asal selepas hasil siasatan lanjut mendapati suspek tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.



Mazidah Minggu



TAJUK : 'KALAU IBU MATI, ESYA JAGA AYAH YA'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



LORI muatan sawit dinaiki mangsa yang terabit kemalangan dengan lima lagi kenderaan.

KEMALANGAN MAUT BABIT 6 KENDERAAN

'KALAU IBU MATI, ESYA JAGA AYAH YA'

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Parit Buntar

"Kalau ibu mati nanti, ESYA jaga ayah ya."

Demikian permintaan terakhir Siti Roshasnizan Idris, 41, kepada anak bongsunya, Nur Eleya Elena Abdul Rahman, 14, sebelum dia meninggal dunia selepas terabit kemalangan di Kilometer 200.4, Lebuhraya Utara Selatan, arah selatan, jam 11.33 pagi kelmarin.

Terdahulu, Siti Roshasnizan mengungkap kata-kata berkenaan sebelum memulakan perjalanan bersama suaminya, Abdul Rahman Abdul Razak, 45, bagi menghantar kelapa sawit dari Bukit Bersatu, Taiping ke Temerloh, Pahang.

Nur Eleya Elena yang juga anak bongsu daripada empat beradik berkata, ibunya tidak berhenti memintanya menjaga bapanya apabila dia sudah tiada.

"Sepanjang seminggu ini, ibu kerap meluahkan perkara sama dan bila saya tanya kenapa dia berkata begitu, ibu mengatakan bila-bila saja kita semua boleh meninggal dunia.

"Paling sedih, ketika ibu tersepit (dalam lori), dia cakap, 'ESYA tolong ibu, ibu sakit, panas.'

"Kalau saya ada kekuatan ketika itu, saya pasti tolong ibu," katanya ditemui di Hospital Parit Buntar.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, ketika tersepit, isterinya itu mengadu sakit namun dia me-



NUR Eleya bersama Abdul Rahman di sisi keranda Siti Roshasnizan.



SITI Roshasnizan

mintanya supaya bertahan.

"Sepanjang lebih 20 minit tersepit, saya ada disisinya dan memintanya bersabar, malah sempat mengajarnya mengucapkan dua kalimah syahadah.

"Apabila mendapati suaranya semakin perlahan sebelum terdiam, saya mengerit sekuat hati. Sebaik berjaya dibawa keluar, pasukan perubatan memaklumkan isteri sudah tiada," katanya.

Abdul Rahman berkata, semasa mengangkat kelapa sawit itu, isterinya beriya-ya mahu mengikutnya pergi bekerja.

"Jarang saya bawa mereka bersama namun tiga hari lalu isteri menyatakan mahu ikut sekali.

"Kebetulan anak bongsu tidak ke sekolah, jadi saya bawa mereka sekali, malah sebelum kejadian, isteri sempat merakam gambar kami bertiga," katanya.

Menurutnya, dia yang masih lagi terkesan dengan

kejadian itu reda dengan kejadian terabit dan berharap orang awam tidak berkongsi selain memadam video kejadian.

Jenazah Siti Roshasnizan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Sungai Cenaam.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, pihaknya menerima laporan kemalangan membabitkan enam kenderaan itu, jam 11.33 pagi.

Pada kejadian itu, lori membawa muatan kelapa sawit yang dinaiki mangsa bersama suami dan anak mereka merempuh belakang bas ekspres sebelum merempuh empat buah kenderaan lain.



TAJUK : BIARKAN DI TANDAS HINGGA MATI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MAZIDAH didakwa dengan sengaja meninggalkan bayi yang baru dilahirkan sehingga menyebabkan kematiannya.

WANITA DIDAKWA BUNUH BAYI DILAHIRKAN

BIARKAN DI TANDAS HINGGA MATI

Oleh Abdul Rahemang
Taiming
am@hmetro.com.my

Tawau

Seorang wanita didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan sengaja menyebabkan kematian bayi lelaki yang baru dilahirkannya di tandas sebuah hospital dekat sini, 14 Oktober lalu.

Mazidah Minggo, 24, didakwa mengikut Seksyen 309B Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja meninggalkan bayi yang baru

dilahirkan sehingga menyebabkan kematiannya.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada tertuduh sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Pendakwa di jalankan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Suhaimi Suriana, tidak menawarkan sebarang jaminan ke atas tertuduh yang tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh se-

butan semula kes pada 5 Disember depan dan memerintahkan tertuduh terus ditahan di penjara Tawau.


Terdahulu, tertuduh bersama teman lelakinya ditahan reman sejak 15 Oktober lalu, berikutan penemuan mayat bayi di dalam pam tandas sebuah hospital di sini, dengan keadaan mulut disumbat dengan tisu.

Mayat bayi lelaki yang cukup sifat itu ditemui seorang pe-

kerja pembersihan yang bertugas di hospital berkenaan kira-kira 7.10 pagi ketika sedang membuat kerja pembersihan di dalam tandas berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin, ketika dihubungi mengesahkan teman lelaki tertuduh telah dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk diusir pulang ke negara asal selepas hasil siasatan lanjut mendapati suspek tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

Mahkamah menetapkan 5 Disember depan untuk sebutan semula kes



TAJUK :	TASKA BERPINDAH KE LOKASI BAHARU, TIDAK BERDAFTAR		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	04 NOV 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

BAYI 12 BULAN ALAMI PENDARAHAN DI KEPALA

Taska berpindah ke lokasi baharu, tidak berdaftar

Melaka: Taman asuhan kanak-kanak (taska) yang menjadi punca bayi lelaki berusia 12 bulan tidak sedarkan diri mendadak akibat pendarahan di kepala Selasa lalu disahkan tidak berdaftar.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Zulkifli Hanafiah berkata, hasil pemeriksaan pihaknya mendapati premis terletak di Pertam Jaya itu beroperasi secara tidak sah tanpa lesen.

"Justeru kelmarin

(Khamis) kita ambil tindakan sita ke atas premis itu dan pengusaha mempunyai 21 hari membuat perakuan bagi membolehkan premis itu dibenarkan kembali beroperasi.

